

# 32 saintis muda

» STAR jadi pilihan UPM untuk program penyelidikan

Oleh Nor Aziah Othman  
bhnews@bharian.com.my

## Port Dickson

Seramai 32 pelajar tingkatan tiga Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) Ipoh, bertuah dapat menyertai Program Penyelidikan Saintis Muda Alam Sekitar anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM).

Program di Hutan Simpan Sungai Menyala dekat sini, dikenali sebagai Fakulti Pengajian Alam Sekitar yang menjadikan STAR sebagai sekolah angkat.

Pengarah Program, Dr Hafizan Juahir, berkata program itu bertujuan menggalakkan pelajar lebih mencintai alam sekitar.

Pada masa sama, katanya, pelajar berkenaan yang baru selesai Penilaian Menengah Rendah (PMR) berpeluang mempelajari kaedah membuat penyelidikan, yang berguna apabila menyertai pertandingan reka cipta dan ino-

vasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Pengetahuan dan pengalaman yang mereka raih diharapkan meningkatkan minat melakukan kajian saintifik berkaitan alam sekitar," katanya,

### Ajar pelbagai kemahiran

Pada program itu, katanya, pelajar diajar menggunakan kompas, mengukur keluasan hutan, mengenali pokok dalam kawasan kajian, malah berpeluang menanam 40 anak pokok Sepetir.

Sementara itu, pelajar, Azhad Arif Alias, mengakui pada mulanya, beliau bimbang terserempak binatang buas dan berbisba.

Bagaimanapun, katanya, selepas dua hari membuat kajian, minatnya semakin mendalam

**Pengetahuan dan pengalaman yang mereka raih diharapkan meningkatkan minat melakukan kajian saintifik berkaitan alam sekitar"**

**Hafizan Juahir,**  
Pengarah Program

kerana ilmu yang dipelajari tidak terdapat dalam buku teks sekolah.

M o h a m m a d Naqid Shahrum, pula berkata pengalaman berada dalam hutan sebenar banyak mengajarnya supaya menghargai



Pelajar Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) Ipoh, Perak yang menyertai Program Penyelidikan Saintis Muda Alam Sekitar (PPSMAS) di Hutan Simpan Sungai Menyala.

[ FOTO NOOR AZIAH OTHMAN/ BH ]

alam semula jadi.

"Saya juga kini tahu menggunakan kompas dan mengenali pelbagai jenis pokok hutan yang selama ini hanya diketahui dalam buku," katanya.

**Kagum keindahan alam sekitar**  
Hafizul Raqib, 15, pula

kagum dengan keindahan hutan simpan itu yang bukan saja memiliki pokok berkualiti tinggi, malah berusia ratusan tahun.

Katanya, udara di kawasan hutan amat bersih menyebabkannya berhasrat datang lagi ke hutan itu pada masa depan.